

MCA, Gerakan 'buka bab baru' kerjasama

BH 11/8/03
MCA dan Gerakan semalam sama-sama berikrar untuk meningkatkan kerjasama dalam usaha membuka 'bab baru hubungan dan kerjasama' di antara dua parti komponen yang mewakili masyarakat Cina.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting mahu kerjasama itu terjalin bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ong berkata, banyak perkara yang boleh diusahakan oleh kedua-dua parti bagi kepentingan bersama terutama dalam isu yang memabitkan masyarakat Cina dan negara.

"Perkara lepas adalah sejarah bagi kita dan saya berharap bab baru dalam perhubungan akan muncul mulai sekarang," katanya selepas perasmian Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Wisma MCA di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) merasmikan perhimpunan sehari itu yang dihadiri lebih 2,000 perwakilan.

Ong diminta mengulas ucapan Dr Mahathir yang meminta MCA bertindak sebagai abang kepada parti komponen yang lebih baru dan bekerjasama rapat dengan parti itu sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ucapan Perdana Menteri menarik perhatian perwakilan kerana Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik baru-baru ini berkata MCA adalah ibarat abang kepada Gerakan.

Kerk pula berkata sebagai 'adik' Gerakan sudah memberikan kerjasama sejak sekian lama dan berharap ia akan dipertingkatkan.

"Hubungankita tidaklah begitu rapat dan kita menyambut baik kerjasama sebenar antara MCA dan Gerakan bagi pilihan raya umum akan datang," katanya pada majlis yang sama.

Naib Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon juga yakin kedua-dua parti akan menjalin kerjasama lebih erat bagi menghadapi pilihan raya umum.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkata, adalah perkara biasa bagi parti politik mempunyai perbezaan tetapi yang penting mereka dapat bekerjasama berlandaskan kepada semangat BN.